

Keselarasan Personaliti dengan Pemilihan Program Teknologi Maklumat dan Komunikasi di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

Rozalita Saupi*, Isyati Suparman, Norzira Ahmad

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis, Malaysia

Email: *crrozalita@gmail.com, is7872@yahoo.com

Abstrak

Penelitian ini membincangkan mengenai pola personaliti pelajar program Teknologi Maklumat dan Komunikasi, tahap minat dan perbezaannya dengan keselarasan personaliti pelajar, tahap pencapaian akademik pelajar dan perbezaannya dengan tahap minat dan keselarasan personaliti dengan pencapaian akademik. Pelajar yang terlibat dipilih secara rawak daripada Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) iaitu seramai 90 orang daripada semester 2, 4, 5 dan 6. Instrumen yang digunakan ialah *Self-Directed Search-Form Easy* (SDS-E) (versi terjemahan Amla, 1984). Hasil kajian menunjukkan pola personaliti pelajar iaitu SIK mempunyai tahap keselarasan yang sederhana dengan pemilihan bidang yang dipilih. Walaubagaimanapun, pengkaji melihat daripada segi bilangan Kod Tiga Mata Holland yang menunjukkan sebahagian besar pelajar mempunyai 2 dan 3 bilangan kod yang menunjukkan mereka sesuai berada di dalam bidang tersebut. Dapatan juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara keselarasan personaliti, minat pelajar dengan pencapaian akademik pelajar.

Kata Kunci: Kerjaya, Minat, Holland, Keselarasan Personaliti, Pencapaian Akademik

1. PENDAHULUAN

Pekerja adalah manusia yang merupakan nadi kepada sesebuah organisasi. Alaf baru abad ini memerlukan pekerja yang tinggi produktiviti serta berkualiti dalam memenuhi tuntutan perkembangan global era teknologi. Kemajuan sesebuah organisasi bukan hanya bergantung kepada bilangan pekerja, teknologi dan sistem yang diamalkan, tetapi juga menitikberatkan kepada kualiti yang ada pada pekerja yang menganggotai organisasi tersebut. Pekerja hari ini juga tidak boleh menjadi seperti pekerja suatu masa lampau yang bekerja hanya kerana upah tetapi perlu mengubah paradigma mereka untuk menjadi lebih komited dan memahami kepentingan sumbangan tenaga mereka dalam kemajuan organisasi di mana mereka berkhidmat. Pekerja yang berkualiti dan komited kepada kemajuan sesebuah organisasi adalah aset yang berharga kepada sesebuah organisasi berbanding pekerja yang tidak berkualiti.


Pemilihan pekerjaan adalah salah satu masalah besar yang sering dihadapi oleh individu dalam hidupnya. Sekiranya individu membuat pilihan yang salah, ini akan memberi kesan kepada kehidupan individu. Ianya dipersetujui oleh Holland (1996) yang menyatakan bahawa kepuasan kerja, kebolehan dan pencapaian adalah bergantung kepada darjah keselarasan antara jenis personaliti dengan persekitaran kerja. Pemilihan kerjaya yang tidak bertepatan dengan personaliti akan menimbulkan konflik diri dan sekaligus memberi impak yang besar dalam kehidupan individu pada masa hadapan kerana personaliti yang sesuai dengan persekitaran boleh dilihat melalui prestasi kerja individu (Hough dan Ones, 2001). Menurut Teori Tripologi Kerjaya Holland (1973), keselarasan personaliti dan persekitaran bukan sahaja akan membantu kepuasan bekerja, bahkan membantu dalam peningkatan pencapaian akademik. Ini selaras dengan penelitian yang telah dibuat oleh Feldman, Smart, dan Ethington (1999) yang mendapati bahawa pelajar yang selaras personaliti dengan persekitaran akan memberi kesan yang positif kepada pencapaian akademik mereka.

Holland (1996) telah membahagikan personaliti dan persekitaran individu kepada enam kategori iaitu Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional. Menurut beliau, individu yang bersifat Realistik biasanya bersikap agresif, gemar kepada tugas yang tetap dan jelas berbanding tugas yang kabur dan abstrak. Manakala individu jenis Investigatif lebih menumpu kepada kerjaya yang melibatkan intelektual, abstrak, bebas dan kadang-kadang radikal dan berorientasikan tugas. Bagi individu Artistik, ianya amat berbeza dengan individu Investigatif dan Realistik, yang mana individu jenis ini lebih bersifat terbuka, lebih ekspresif, idealistik, namun kadang-kadang rumit dan emosional. Bagi individu Sosial, mereka kebiasaannya akan memilih aktiviti yang melibatkan orang lain seperti melatih, mendidik dan memperkembangkan individu lain dan biasanya mereka ini akan menjauhi aktiviti yang melibatkan bahan, peralatan dan mesin dan aktiviti-aktiviti yang berstruktur dan sistematik. Individu Enterprising suka berada dalam aktiviti yang melibatkan kepimpinan sesebuah kumpulan, memotivasikan, mengarah, memujuk dan mencapai matlamat organisasi dan keuntungan ekonomi dan mereka ini biasanya akan menghindari aktiviti-aktiviti yang melibatkan pemerhatian, simbolik dan sistematik. Akhir sekali personaliti Konvensional. Individu yang mempunyai personaliti Konvensional lebih memilih kerjaya yang melibatkan aktiviti-aktiviti yang eksplisit; berstruktur; sistematik; memanipulasi data seperti menyimpan rekod.

Model Heksagonal Holland (Rajah 1) digunakan dalam takrifan darjah keselarasan antara persekitaran dan personaliti individu. Menurut Holland (1996) individu yang bekerja dalam persekitaran yang selaras dengan personaliti akan menunjukkan tingkah laku yang selaras dengan personaliti mereka, dan begitu juga sebaliknya. Apabila individu dalam konteks ini; pelajar tidak berada dalam persekitaran yang selaras dengan personaliti mereka, ianya akan memberi kesan kepada prestasi akademik, peribadi dan sebagainya.

Darjah keselarasan umumnya boleh meramalkan tingkah laku individu dalam pelbagai sudut termasuk pemilihan kerjaya. Menurut Holland (1996), personaliti boleh ditakrifkan melalui Kod Tiga Mata yang mana menggambarkan mengenai individu tersebut. Huruf pertama dalam Kod Tiga Mata Holland menunjukkan personaliti paling dominan atau bidang umum atau major yang boleh dipilih oleh individu tersebut. Huruf kedua dan ketiga memberitahu mengenai bidang minor yang boleh diceburi. Kod Tiga Mata Holland boleh meramalkan mengenai perlakuan vokasional individu dan sekiranya ia selaras antara persekitaran dan personaliti, individu tersebut akan dapat mencapai tahap kepuasan dalam hidup samaada dalam hal kerjaya mahupun peribadi. Di dalam penelitian ini, kod tiga mata bagi Program Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang

telah ditetapkan di dalam *Educational Opportunities Finder* (EOF) (Rosen dan Holland, 1977) adalah IKS, iaitu Investigatif, Konvensional dan Sosial.



Rajah 1. – Model Heksagonal Holland : Konsep Keselarasan Personaliti-Persekitaran
Sumber: Holland, Whitney, Cole & Richards (Holland, 1973:23)

Keselarasan personaliti-persekitaran memberi kesan langsung terhadap pencapaian pelajar (Allen dan Robbins, 2009). Pelajar yang selaras dari segi minat, personaliti dan bidang pengajian yang di ambil akan lebih bersemangat untuk belajar sekaligus mendapat keputusan peperiksaan yang baik. Kebimbangan berlaku apabila pelajar yang tidak selaras akan merasa tertekan dan tidak dapat menjalankan tugas dengan baik sebagai pengaturcara komputer dan sebagainya yang berkait rapat dengan bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Fritzsche, McIntire dan Yost (2002) menyatakan dalam kajian mereka bahawa personaliti dapat menentukan pencapaian akademik pelajar. Ini bermakna, mereka yang selaras personaliti dengan bidang pengajian yang di ambil akan mendapat prestasi yang lebih cemerlang. Ketidakeselarasan antara personaliti dengan kursus pengajian yang dipilih oleh pelajar menyebabkan mereka memilih untuk pertukaran kursus atau belajar dalam keadaan kecewa apabila tidak berjaya menukar kursus mereka (Mastura *et al.* 2008). Oleh yang demikian penelitian sangat penting bagi (i) mengenal pasti pola personaliti pelajar Program Teknologi Maklumat dan Komunikasi, (ii) mengenal pasti perbezaan di antara faktor minat dengan keselarasan personaliti pelajar, (iii) mengenal pasti perbezaan antara faktor minat dengan pencapaian akademik pelajar dan (iv) mengenal pasti perbezaan di antara pencapaian akademik pelajar dengan keselarasan personaliti agar graduan yang dihasilkan dapat menyumbang kepada produktiviti negara dan pekerja mahir.

2. METODOLOGI PENELITIAN

Penelitian dijalankan adalah berbentuk tinjauan deskriptif untuk mengenal pasti pola personaliti pelajar, mengenal pasti perbezaan di antara faktor minat dengan keselarasan personaliti pelajar, mengenal pasti perbezaan antara faktor minat dengan pencapaian akademik pelajar dan mengenal pasti perbezaan di antara pencapaian akademik pelajar dengan keselarasan personaliti. Semua data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Packages for the Social Sciences* (SPSS/PC). Ujian statistik secara frekuensi, nilai peratusan dan *crosstabs* digunakan bagi melihat perbezaan antara pembolehubah. Skop penelitian ini dijalankan ke atas seramai 90 orang pelajar Program Teknologi Maklumat dan Komunikasi di PTSS. Responden terdiri daripada pelajar semester 2, 4, 5 dan 6. Di dalam penelitian ini, pengkaji melihat keselarasan berdasarkan Kod Tiga Mata Holland, mengikut bilangan kod. Pengkaji mengambil kira selaras pada tahap sederhana apabila responden menepati 2 dan ke atas kod tiga mata Holland dan tidak selaras adalah yang tidak menepati kod tiga mata atau hanya ada satu daripada kod tiga mata yang ditetapkan di dalam *Educational Opportunities Finder* (OEF) bagi program Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Alat penelitian *Self-Directed Search-Form Easy* (Holland, 1973) yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu dan diuji realibilitinya oleh Amla Salleh (1992) telah digunakan untuk mengenalpasti pola personaliti pelajar bagi memudahkan para pelajar memahami soalan dan mengikut konteks budaya di Malaysia. Instrumen penelitian yang dijalankan terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A mengandungi maklumat demografi responden dan Bahagian B mengandungi item-item yang mengukur minat dan personaliti pelajar yang terbahagi kepada 3 bahagian iaitu kesukaan, kecekapan dan pekerjaan. *Self-Directed Search-Form Easy* (SDS-E) versi Amla (1984) mempunyai 10 item bagi mengukur tahap kesukaan, kecekapan dan pekerjaan. Skor akan dikira berdasarkan manual SDS-E (Holland, 1973). Responden akan menandakan jawapan “Ya” sekiranya suka dan “Tidak” sekiranya tidak suka pada kertas jawapan yang disediakan.

3. ANALISA DAN PEMBAHASAN

Analisis deskriptif menggunakan peratusan, min skor dan taburan frekuensi digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang pelajar, minat, keselarasan personaliti dan pencapaian akademik,

3.1 Latar Belakang Pelajar

Pelajar terdiri daripada 44 orang pelajar lelaki (48.9%) dan 46 orang pelajar perempuan (51.1%), semester 2 seramai 21 orang (23.3%) semester 4 seramai 62 orang (68.9%), semester 5 seramai 5 orang (5.6%) dan semester 6 seramai 2 orang (2.2%). Seramai 46 orang pelajar memilih bidang ini kerana minat (51.1%), manakala 13 orang (14.4%) tidak meminati bidang ini dan 31 orang pelajar (34.4%) telah memilih bidang ini kerana tiada pilihan lain. Seramai 31 orang pelajar (34.4%) mendapat keputusan Himpunan Nilai Mata (HPNM) di bawah 3.0 dan 59 orang (65.6%) berjaya mendapat keputusan cemerlang iaitu atas 3.0 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1.

Jadual 1. Latar belakang pelajar mengikut jantina, minat dan pencapaian akademik

Latar Belakang		Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	44	48.9
	Perempuan	46	51.1
Semester	2	21	23.3
	4	62	68.9
	5	5	5.6
	6	2	2.2
Minat Bidang	Minat	46	51.1
	Tidak Minat	13	14.4
	Tiada Pilihan Lain	31	34.4
Pencapaian Akademik	Bawah 3.0 (HPNM)	31	34.4
	Atas 3.0 (HPNM)	59	65.6
	Jumlah	90	100.0

3.2 Pola Personaliti Pelajar Program Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Jadual 2 merujuk kepada pola personaliti pelajar. Personaliti Sosial merupakan peratusan yang tertinggi dalam kalangan pelajar lelaki 16.6% dan juga dalam kalangan pelajar perempuan 38.8%. Kod tiga mata Holland bagi pelajar lelaki adalah SIR manakala bagi pelajar perempuan ialah SKI. Kod tiga mata bagi pelajar secara purata adalah SIK yang mana sedikit berbeza kedudukan berbanding kod yang telah ditentukan dalam EOF bagi bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi iaitu ISK. Jadual 3 merujuk kepada skor kod bagi para pelajar. Seramai 20 orang pelajar (22.2%) hanya mempunyai 1 kod yang sama dengan kod yang ditetapkan dalam EOF manakala 63 orang pelajar (70%) mempunyai 2 kod yang sama dan 7 pelajar (7.8%) mempunyai kod yang sama dengan kod EOF.

Jadual 2. Min skor pola personaliti pelajar

Program Teknologi Maklumat dan Komunikasi	R	I	A	S	E	K	Kod Dapatan	Kod EOF
	Lelaki	6.6	7.7	1.1	16.6	2.2	2.2	SIR
Perempuan	0.0	2.2	2.2	38.8	0.0	4.4	SKI	ISK
Keseluruhan	6.6	9.9	3.3	55.5	2.2	6.6	SIK	

* EOF-Educational Opportunities Finder

Jadual 3. Min skor Kod Tiga Mata Holland berdasarkan Kod EOF (IKS)

Program Teknologi Maklumat dan Komunikasi	Bilangan	Peratus
1 mata	20	22.2
2 mata	63	70.0
3 mata	7	7.8
Jumlah	90	100

* EOF-Educational Opportunities Finder

3.3 Perbezaan di antara Faktor Minat dengan Keselarasan Personaliti Pelajar

Dapatan daripada taburan frekuensi di dalam Jadual 4 menunjukkan perbezaan di antara minat dengan bilangan kod. Seramai 35 orang pelajar yang memilih bidang pengajian kerana minat mempunyai 2 kod yang sama manakala 4 pelajar mempunyai 3 kod yang sama dengan kod EOF. Bagi pelajar yang tidak minat dalam bidang pengajian, terdapat 9 orang yang mempunyai 2 kod yang sama manakala 11 orang hanya mempunyai 1 kod yang sama dengan EOF yang membuktikan bahawa mereka yang tidak selaras minat akan kurang selaras dengan persekitaran. Ianya selaras dengan dapatan Allen dan Robbins (2009) dan Holland (1985) yang menyatakan bahawa pelajar akan memilih untuk berada dalam persekitaran yang sama dengan minat dan personaliti mereka.

Jadual 4. Perbezaan di antara minat dengan bilangan Kod Tiga Mata

		KOD			Jumlah
		1 mata	2 mata	3 mata	
Minat	Minat	7	35	4	46
	Tidak minat	2	9	2	13
	Tiada pilihan	11	19	1	31
	Jumlah	20	63	7	90

3.4 Perbezaan di antara Faktor Minat dengan Pencapaian Akademik Pelajar

Perbezaan di antara minat dengan pencapaian akademik boleh dilihat dengan jelas yang mana menunjukkan mereka yang meminati bidang pengajian yang dipilih dapat mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5. Seramai 35 orang pelajar mendapat HPNM 3.0 ke atas merupakan mereka yang minat dalam bidang pengajian

berbanding mereka yang tidak minat dan tiada pilihan mendapat keputusan yang lebih rendah. Ini menyokong dapatan Fagan dan Squitiera (2002) yang mana menyatakan bahawa terdapat hubungan di antara pencapaian akademik dengan minat. Ianya turut disokong oleh Premuzic dan Furnham (2003) yang mana dapatan kajian mereka menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara gred peperiksaan dengan ciri personaliti dan minat yang selaras.

Jadual 5. Perbezaan di antara minat dengan pencapaian akademik

		KEPUTUSAN		
		Bawah 3.0	Atas 3.0	Jumlah
Minat	Minat	11	35	46
	Tidak minat	4	9	13
	Tiada pilihan	16	15	31
	Jumlah	31	59	90

3.5 Perbezaan di antara Pencapaian Akademik Pelajar dengan Keselarasan Personaliti

Jadual 6 merujuk kepada perbezaan pencapaian akademik pelajar dengan bilangan keselarasan kod Tiga Mata Holland. Dapatan menunjukkan dengan jelas perbezaan mereka yang mempunyai bilangan kod yang selaras dengan kod EOF mendapat keputusan yang lebih baik. Ianya selaras dengan dapatan kajian Mallinckrodt dan Geso (2002) yang mendapati bahawa personaliti memberi kesan kepada pencapaian akademik.

Jadual 6. Perbezaan di antara pencapaian akademik dengan bilangan Kod Tiga Mata Holland

		KOD			Jumlah
		1 mata	2 mata	3 mata	
Keputusan	Bawah 3.0	8	21	2	31
	Atas 3.0	12	42	5	59
	Jumlah	20	63	7	90

4. KESIMPULAN

Secara keseluruhan kajian ini menunjukkan bahawa pola personaliti bagi pelajar program Teknologi Maklumat dan Komunikasi adalah SKI berbanding IKS yang ditetapkan dalam EOF. Walaubagaimanapun, pelajar yang mempunyai 2 atau 3 kod personaliti yang sama menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara keselarasan personaliti, minat dengan pencapaian akademik. Mereka yang selaras minat dengan personaliti-persekitaran mendapat pencapaian akademik yang lebih baik berbanding mereka yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan minat. Oleh yang demikian diharapkan agar para pelajar yang tidak selaras personaliti dengan persekitaran dan minat perlu diberi motivasi yang lebih baik agar mereka juga dapat setanding dengan pelajar yang lain yang meminati bidang pengajian dan sekaligus keluar menjadi pekerja mahir yang profesional dan berkebolehan. Kesedaran mengenai keselarasan personaliti-persekitaran perlu disebar kepada semua pelajar agar mereka lebih memahami diri sendiri dan berusaha dengan lebih baik untuk menjadi orang yang berjaya.

REFERENCES

- [1] Allen, J. & Robbins, S. 2009. Effects of Interest-Major Congruence, Motivation, and Academic Performance on Timely Degree Attainment. *Journal of Counseling Psychology*. 57(1): 23-35.
- [2] Amla, H. M. Salleh. 1992. An Investigation of the Reliability, Validity, and Translation of Holland's Directed-Search for Utilization by a Malaysian Population. *Jurnal PERKAMA*. 3 & 4: 165-173.
- [3] Fagan, R. & Squitiera, P. 2002. The Relationship between Personality Characteristic and Academic Success in Law School. *Evaluation Research Education*. 16(2): 95-103.
- [4] Feldman, K. A., Smart, J.C. & Athington, C.A. 1999. Major Field and Pearson-Environment Fit: Using Holland's Theory to Study Change and Stability of College Student. *Journal of Higher Education*. 70: 642-651
- [5] Fritzsche, B.A., McIntire, S.A. & Yost, A.P. 2002. Holland Type as a Moderator of Personality-Performance Predictions. *Journal of Vocational Behavior*. 60: 422-436.
- [6] Holland, J. L. 1973. *Making Vocational Choice: A Theory of Careers*. Englewood Cliffs, New Jersey. Prentice Hall.
- [7] Holland, J. L. 1985. *A Theory of Vocational Personality and Work Environment*. Englewood Cliffs, New Jersey. Prentice Hall.
- [8] Holland, J. L. 1996. *A Theory of Vocational Personality and Work Environment*. Odessa, Florida: Psychological Assessment Resources.
- [9] Hough, L. M., & Ones, D. S. 2001. The Structure, Measurement, Validity, & Use of personality Variables in Industrial, Work, and organizational Psychology. In N. Anderson, D.S. Ones, H. K. Sinangil, & C Viswesvaran. (Eds.). *Handbook of Industrial Work, and Organizational Psychology*. London: Sage. 1:233-277.
- [10] Mastura Mahfar, Ishak Mad Shah dan Hamdan Abdul Kadir 2008. Kekongruenan Personaliti-Persekitaran Kursus dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik di Kalangan Pelajar. *Jurnal Kemusiaan*. 12: 23-32.
- [11] Mallinckrodt, B. & Gelso, C.J. 2002. Impact of Research Training Environment and Holland Personality Type: A 15-year Follow-up of Research Productivity. *Journal of Counseling Psychology*. 49: 60-70.
- [12] Premuzic, T.C. & Furnham, A. 2003. Personality Traits and Academic Examination Performance. *European Journal of Personality*. 17: 237-250.